

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2000/2001**

SEPTEMBER/OKTOBER 2000

RPK 531 – TEORI DAN FALSAFAH PERANCANGAN

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan.

BAHAGIAN A (Soalan 1 dan 2 adalah WAJIB)

1. Falsafah dan teori perancangan bandar adalah berasaskan pada tamadun dan corak pembangunan Dunia Barat. Nilaikan kesesuaian pendekatan tersebut kepada situasi di Malaysia.

(20 MARKAH)

2. a) Perlukah teori perancangan merangkumi perancangan fahaman tentang konsep manusia?

b) Jika diandaikan manusia itu sebagai sasaran utama aktiviti perancangan apakah langkah-langkah yang perlu diambil supaya amalan perancangan menepati sasaran ini?

(20 MARKAH)

BAHAGIAN B

3. Satu perdebatan dalam teori dan falsafah perancangan bandar berputar pada tipologi teori-teorinya. Dalam kes ini, bagaimanakah tiga (3) penjenisan seperti *urban form, procedural & analytical* boleh merapatkan jurang konflik dalam pemikiran perancangan bandar semasa?

(20 MARKAH)

4. Betapa pentingkah kaedah *hypothetico-deductive* dalam falsafah dan amalan perancangan bandar?

(20 MARKAH)

5. Bolehkah satu fahaman “perancangan manusia” dibuat? Kalau boleh, susunkan sifat-sifat dan ciri-cirinya dan rumuskan konsep atau bentuknya.

Sekiranya tidak boleh, huraikan;

- i) kenapa ianya tidak dapat dilakukan
- ii) apakah alternatif yang ada bagi pelajar-pelajar perancangan memahami pengertian istilah “perancangan”?

(20 MARKAH)

6. i) Bagaimana peristiwa-peristiwa dalam sesebuah negara atau dunia mempengaruhi fahaman tentang perancangan.

- ii) Secara ringkas, apakah perkara-perkara terpenting yang perlu diberi perhatian oleh perancang didalam merancang sesuatu gunatanah pada alaf 21?

(20 MARKAH)